

# 571 helai pakaian dirampas



Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa seluar yang dijual di premis yang diserbu di Marang kelmarin.

Dua pemilik premis ditahan dalam dua serbuan.

Oleh RAHAYU MUSTAFA

## MARANG

**S**ebanyak 571 helai pakaian bernilai RM19,985 yang menggunakan cap dagangan jenama Adidas secara salah dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu dalam Ops Jeriji kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Terengganu, Nor Azmi Lamisza berkata, dalam operasi bermula jam 11 pagi hingga 3 petang bersama wakil pemilik cap dagang berdaftar itu, dua pemilik premis berusia 46 dan 34 tahun turut ditahan dalam serbuan berasingan.

Menurutnya, dalam serbuan pertama di sebuah premis di Jalan Kuala Berang, pihaknya merampas sejumlah 139 helai baju jersi dan 192 helai seluar yang dipakaikan cap dagangan secara salah dengan nilai rampasan dianggarkan RM11,585.

"Rampasan kedua pula melibatkan 240 helai di sebuah premis di Pekan Bukit Payong dengan anggaran nilai sitaan RM8,400.

"Serbuan ini dijalankan hasil risik-

an dan aduan pemilik cap dagang yang kemudiannya berjaya membongkar aktiviti peniaga tidak beretika yang ingin dapatkan keuntungan dengan cara mudah hingga mengabaikan kepentingan pengguna," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nor Azmi berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagang 2019.

Pesalah boleh dihukum mengikut Seksyen 100(1)(ii) di bawah akta yang sama iaitu denda sehingga RM10,000 bagi setiap barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan itu, Nor Azmi meminta orang ramai supaya lebih berhati-hati dan bijak memilih pakaian berjenama di pasaran agar tidak terpedaya dengan taktik sesetengah peniaga yang cuba mengambil keuntungan mudah.

"KPDNHEP Terengganu menggalakkan kerjasama pengguna untuk menyalurkan maklumat bagi memastikan peniaga sentiasa mematuhi undang-undang.

"Aduan boleh disalurkan melalui talian bebas tol **1-800-886-800**, aplikasi WhatsApp **019-279 4317**, secara dalam talian <http://eaduan.kpdnhep.gov.my> atau khidmat pesanan ringkas ke **15888** dengan menaip KPDNHEP ADUAN atau hadir sendiri ke pejabat berhampiran," katanya.

## KPDNHEP rampas 571 helai pakaian berjenama

RAHAYU MUSTAFA | | 5 Februari 2020



**Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa seluar yang dijual di premis itu semalam.**

**MARANG** - Sebanyak 571 helai pakaian bernilai RM19,985 yang dipakaikan cap dagangan secara salah menggunakan jenama Adidas dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu dalam Ops Jeriji semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Terengganu, Nor Azmi Lamisza berkata, dalam operasi bermula jam 11 pagi hingga 3 petang bersama wakil pemilik cap dagang berdaftar itu, dua pemilik premis berusia 46 dan 34 tahun turut ditahan dalam dua serbuan berasingan.

Menurutnya, dalam serbuan pertama di sebuah premis di Jalan Kuala Berang, pihaknya merampas sejumlah 139 helai baju jersi dan 192 helai seluar yang dipakaikan cap dagangan secara salah dengan nilai rampasan dianggarkan RM11,585.00.

"Rampasan kedua pula melibatkan 240 helai dilakukan di sebuah premis yang terletak di Pekan Bukit Payong dengan anggaran nilai sitaan RM8,400.

"Serbuan ini dijalankan hasil risikan dan aduan pemilik cap dagang yang kemudiannya berjaya membongkar aktiviti peniaga tidak beretika yang ingin dapatkan keuntungan dengan cara mudah hingga mengabaikan kepentingan pengguna," katanya dalam satu kenyataan hari ini.



**Pemeriksaan dilakukan penguat kuasa KPDNHEP di premis di Marang dalam Ops Jeriji.**

Nor Azmi berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagang 2019 dan pesalah boleh dihukum mengikut Seksyen 100(1)(ii) di bawah akta yang sama iaitu denda sehingga RM10,000 bagi setiap barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya lebih berhati-hati dan bijak memilih pakaian berjenama dalam pasaran supaya tidak terpedaya dengan taktik sesetengah peniaga yang tidak beretika dan cuba mengambil keuntungan mudah.

"KPDNHEP Terengganu mengalu-alukan kerjasama daripada pengguna untuk menyalurkan maklumat melalui saluran yang telah ditetapkan bagi memastikan para peniaga sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

"Aduan boleh disalurkan melalui talian bebas tol 1-800-886-800, aplikasi WhatsApp 019-279 4317, secara atas talian <http://eaduan.kpdnhep.gov.my> dan khidmat pesanan ringkas ke 15888 dengan menaip KPDNHEP ADUAN atau hadir sendiri ke pejabat berhampiran," katanya.